

Kemuliaan Menuntut Ilmu

Imam al-Bukhari berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ بِهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang berjalan di satu jalan kerana menuntut ilmu, nescaya Allah memudahkan baginya akan jalan ke syurga.”

Riwayat al-Bukhari (10)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Jalan bagi seseorang untuk menuju ke syurga adalah dengan ilmu. Tanpa ilmu agama yang mencukupi di dalam diri, tidak mungkin bagi seseorang untuk mendapat dan mencapai ke makam yang tertinggi seterusnya masuk ke dalam syurga Allah SWT.
2. Ilmu juga memainkan peranan yang penting di dalam menerangkan keutamaan di dalam amalan, agar apa yang dilakukan itu adalah suatu yang terbaik. Contoh yang paling jelas ialah ramai di kalangan umat Islam berlumba-lumba pergi ke Kota Mekah untuk mengerjakan haji atau umrah, malah ada yang ke sana setiap bulan atau tahun. Mereka sanggup membelanjakan ribuan ringgit demi mengerjakan ibadah ini, namun apabila diminta untuk menyumbangkan derma bagi tujuan jihad *fi sabilillah*, hanya beberapa ringgit sahaja yang mampu disumbangkan. Sedangkan inilah yang lebih afdal dilakukan. Semua yang berlaku ini sudah tentu berpunca dari kejahilan dan ketandusan ilmu.

3. Kelebihan menuntut ilmu atau belajar, apatah lagi jika sekiranya menuntut ilmu dengan niat yang ikhlas kerana Allah SWT. Kita perlu bersikap merendah diri iaitu tawaduk dan serius dalam pencarian ilmu. Dalam keadaan begini, ilmu itu akan dapat diperolehi dengan sebaik-baiknya.
4. Pada hakikatnya ilmu adalah warisan utama kenabian. Ilmu ini tidak diperturunkan kepada para malaikat. Dari aspek itu, golongan sufi merupakan golongan yang tidak mempunyai harta pada zaman Nabi SAW. Walaupun tidak mempunyai harta hatta tempat tinggal sekalipun, golongan sufi ini kaya dengan ilmunya.
5. Menuntut ilmu juga merupakan satu bentuk ibadah yang agung daripada ibadah yang lain. Selagi hayat dikandung badan, marilah kita perlengkapkan diri kita dengan ilmu. Jika perlu mengembara untuk mendapatkan ilmu itu, pergilah mengembara seperti yang dilakukan oleh cendekiawan dan ilmuan Islam dahulu.
6. Salah satu peranan ilmu yang penting ialah untuk membina akhlak terpuji dan membimbing manusia ke arah jalan tarbiah yang betul. Sesungguhnya kita melihat ramai manusia yang berilmu, tetapi mempunyai akhlak yang buruk, dan kadang-kadang pernah juga kita terlihat manusia yang mempunyai hubungan yang amat baik dengan Allah, tetapi mempunyai hubungan yang buruk sesama manusia.
7. Ilmu juga diperlukan di dalam usaha untuk menolak segala bentuk khurafat. Mempercayai benda-benda khurafat boleh menjejaskan akidah dan boleh membawa syirik kepada Allah.
8. Manusia dipilih oleh Allah menjadi khalifah di atas muka bumi ini. Khalifah yang bertanggungjawab mentadbir di dunia ini sebagaimana yang telah diterapkan oleh Allah, khalifah yang bertanggungjawab memakmurkan di dunia dengan kemajuan di dalam segenap bidang. Semua ini tidak mungkin akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin melainkan dengan mendalami ilmu.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Ilmu itu hanya akan dapat dicapai dengan laku, dimulai dengan tekad yang bulat dan diusahakan terus-menerus dengan membatasi hawa nafsu.
- ❖ **Pujangga berkata:** Kehausan ilmu pengetahuan sama dengan kehausan harta, makin terasa selepas ilmu ataupun harta itu diperolehi. Oleh yang demikian, kejarlah ilmu, kerana dengan ilmu anda dapat hidup selamanya. Manusia pasti mati, tetapi ilmunya tetap hidup.

Kisah Teladan

Anas bin Malik RA pernah berkata, apabila salah seorang sahabat R.Anhum menghafaz surah al-Baqarah, maka dia akan menjadi pemimpin yang besar dan diutamakan untuk menjadi imam.

Rasulullah SAW pernah mengumpulkan sahabatnya dalam satu pasukan tentera, beliau hendak melantik salah seorang daripada mereka untuk menjadi pemimpin, maka Baginda bertanya kepada sahabatnya: Siapakah di antara kamu yang paling banyak hafazan al-Quran? Salah seorang daripada mereka menjawab: Saya menghafaz surah al-Baqarah. Rasulullah SAW bertanya lagi: *“Adakah benar kamu sudah menghafaz surah al-Baqarah?”* Lelaki itu menjawab: *“Ya, demi Allah wahai Rasulullah.”* Lantas Rasulullah SAW bersabda: *“Berangkatlah kamu, kamulah yang menjadi pemimpin mereka.”* – Riwayat al-Tirmizi (2876), Ibn Khuzaimah (2523), Ibn Hibban (2007, 2553), al-Nasaie dalam kitabnya Sunan al-Kubra (8656) dan al-Hakim (1657).

Daripada kisah di atas jelas menunjukkan bahawa Baginda SAW memuliakan penghafaz al-Quran dengan diberikan beberapa keistimewaan seperti dilantik menjadi ketua.